

Revolusi Industri 4.0, bukan saja melalui latihan yang diterapkan tapi kemahiran teknologi turut diperkenalkan bagi memastikan penuntut memiliki segala yang diperlukan pasaran pada masa kini.

"Selain menyambung pengajian, kami juga mahu graduan ini memiliki perniagaan atau bengkel sendiri kerana ia berpotensi meningkatkan Industri per kayu." katanya.

Katanya, program pengajian Diploma Teknologi Berasaskan Kayu dicipta untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan teori, kemahiran teknikal dan tingkah laku yang diperlukan dalam bidang teknologi per kayu.

"Pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran program pengajian ini dijalankan di bilik kuliah, bengkel dan industri berkaitan yang meliputi skop kerja dalam industri per kayu.

"Bidang ini meliputi aspek sains kayu, kejuruteraan kayu dan teknologi pemrosesan kayu yang merangkumi jenis dan ciri-ciri kayu, penggunaan dan produk kayu serta peralatan dan teknologi terkini dalam industri berasaskan kayu."

Dalam menghasilkan modal insan terbaik bagi

Industri per kayu dan perabot tempatan, program Asas Teknologi Per kayu tidak hanya menumpukan perhatian meka di dalam kelas semata-mata.

"Bagi memastikan program ini lengkap, penuntut didedahkan dengan pelbagai program luar seperti penyertan dalam pertandingan di peringkat politeknik dan luar negara.

"Selain belajar berkenaan asas per kayu, penuntut juga diajar kemahiran insaniah, kemahiran berkomunikasi dan kerja berpasukan supaya meka dapat berkomunikasi, berinteraksi dan bekerja secara berpasukan dengan penuh bertanggungjawab serta berkesan.

"Segala pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh pelajar sangat berguna untuk membina kerjaya ataupun melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dalam bidang teknologi per kayu."

Terdapat lima universiti awam (UA) yang menyediakan laluan kepada kursus berkenaan iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).


FOTO: SUPPLAN AHMAD



5



6



7



8

1. PENUNTUT mempelajari teknik mengukir asas program per kayu.

2. PENUNTUT per kayu turut disediakan dengan pengendalian tumbuhan.

3. TEKNOLOGI moden digunakan untuk mengukir kayu.

4. SEBAHAGIAN proses yang perlu dipelajari iaitu pengeringan.

5. PENUNTUT PERKAYUAN menggunakan mesin teknologi untuk ukiran yang kemas.

6. HASIL ukiran daripada mesin teknologi.

7. PENUNTUT per kayu sedang menjadikan aktiviti bengkel.

8. PENUNTUT per kayu bersama, hasil rekaan yang bakal dipertandingkan.



4